



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PRESTASI KEMAHIRAN MOTOR ASAS MURID NEGERI PAHANG YANG TELAH MELALUI PROSES PEMBELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI TAHAP SATU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PRESTASI KEMAHIRAN MOTOR ASAS MURID
NEGERI PAHANG YANG TELAH MELALUI
PROSES PEMBELAJARAN PENDIDIKAN
JASMANI TAHAP SATU

NORZIHA BINTI MINHAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMENUHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN

FAKULTI SAINS SUKAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kam **ii**s Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tarikh : 15.03.2006


.....
(NORZIHA BINTI MINHAD)
M20001000086



PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.k. Syukur ke hadrat Ilahi yang dengan limpah dan kurnianya mengizinkan kajian ini selamat dilaksanakan hingga ke akhirnya. Sumbangan dan sokongan serta tunjuk ajar daripada pelbagai pihak telah membantu saya menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia kajian ini, Prof. Madya Dr Jabar bin Haji Johari yang tidak jeřu memberi tunjuk ajar di samping pensyarah lain yang turut memberi dorongan. Tidak dilupakan jasa dan sumbangan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang yang memberi kerjasama menyediakan maklumat yang diperlukan.

Terima kasih juga diucapkan kepada pengetua dan rakan sekerja serta staf di

SMK Air Putih yang memahami dan sentiasa memberikan kerjasama yang baik. ptbupsi

Akhir kata, bersama rasa penghormatan ini dihadiahkan juga ucapan jutaan terima kasih kepada suami, Mohd Raif bin Roslan yang sentiasa berada di sisi memberi dorongan dan semangat dalam mengharung segala keperitan menghasilkan disertasi ini.

Alhamdulillah.

NORZIHA BINTI MINHAD
Sarjana Sains Sukan,
Fakulti Sains Sukan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,

15.03.2006.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Tujuan Kajian	8
1.3.1 Objektif Kajian	9
1.4 Hipoteses Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	14
1.6 Batasan Kajian	16
1.7 Definisi Operasional	17
1.7.1 Kemahiran motor asas	17
1.7.2 Lokomotor	18
1.7.3 Bukan lokomotor	18
1.7.4 Manipulatif	18
1.7.5 Kemahiran motor halus	18
1.7.6 Kemahiran motor kasar	18

1.7.7 Pergerakan <i>voluntari</i>	18
1.7.8 Pergerakan <i>involuntari</i>	19
1.7.9 Kawalan manual	19
1.7.10 Kawalan postur	19
1.7.11 Sekolah <i>projek</i>	19
1.7.12 Sekolah <i>bukan projek</i>	20
1.7.13 Sekolah bandar	20
1.7.14 Sekolah luar bandar	20
1.7.15 Sekolah <i>projek</i> bandar	20
1.7.16 Sekolah <i>projek</i> luar bandar	20
1.7.17 Tahap 1	20
1.7.18 Tahap 2	21
1.7.19 <i>Formal</i>	21
1.7.20 <i>Informal</i>	21

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	22
2.2 Latarbelakang Kajian	23
2.2.1 Penilaian Perkembangan Motor Janin	23
2.2.2 Penilaian Perkembangan Motor Bayi	24
2.2.3 Penilaian Perkembangan Motor Peringkat Awal Kanak-kanak	26
2.2.4 Penilaian Perkembangan Motor Kanak-kanak Prasekolah	26

2.2.5 Penilaian Perkembangan Motor Kanak-kanak

	Tahap Satu	27
2.3	Kajian Berkaitan	28
	2.3.1 Kajian Berkaitan Prestasi	
	Kemahiran Motor Asas	28
	2.3.2 Kajian Berkaitan Pengaruh Jantina	29
	2.3.3 Kajian Berkaitan Pengaruh Lokasi	31
	2.3.4 Kajian Berkaitan Pemantauan Khusus	33
2.4	Rumusan	35

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	39
3.1	Rekabentuk Kajian	40
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	41
3.3	Pembolehubah Kajian	42
	3.3.1 Pembolehubah Bersandar	42
	3.3.2 Pembolehubah Tidak Bersandar	42
3.4	Instrumen Kajian	42
	3.4.1 Pentadbiran Instrumen	45
3.5	Kajian Rintis	47
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen	48
3.7	Kesahan Instrumen	49
3.8	Persampelan Kajian	50
	3.8.1 Populasi Kajian	50

3.8.2	Strategi Persampelan	50
3.8.3	Sampel Kajian	52
3.9	Lokasi Kajian	55
3.10	Pungutan Data	56
3.11	Tatacara Pengumpulan Data	57
3.13	Penganalisisan Data	57

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	59
4.2	Laporan Data Demografik	59
4.3	Data Kuantitatif	63
4.3.1	Larian Zigzag	63
4.3.2	Lompat Jauh Berdiri	63
4.3.3	Imbangan Bangau	66
4.3.4	Lantunan Bola Ke Dinding	66
4.3.5	Memukul Bola Sofbol	70
4.4	Data Kumulatif	70
4.5	Ujian Hipoteses	72
4.6	Prosedur Pembinaan Piawai	76

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	78
5.2	Keputusan	78
5.3	Perbincangan	82
5.4	Rumusan	88

5.5	Kesimpulan	91
5.6	Cadangan	93
	5.6.1 Meningkatkan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran	93
	5.6.2 Meningkatkan Sistem Penilaian dan Pemantauan	94
	5.6.3 Penyelidikan Lanjutan	94

RUJUKAN

SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
--------	------------

3.1	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Pengukuran Kemahiran Motor Asas	49
3.2	Nilai kesahan Instrumen Pengukuran Kemahiran Motor Asas	1
3.3	Saiz Sampel Kajian	53
3.4	Saiz Populasi dan Penentuan Saiz Sampel	54
3.5	Lokasi Kajian	55
4.1	(a) Kategori Sampel Mengikut Jantina	61
	(b) Kategori Sampel Mengikut Lokasi	61
	(c) Kategori Sampel Mengikut Status Sekolah	62
4.2	Min Skor Mentah Larian Zig-zag	64
4.3	Min Skor Mentah Lompat Jauh Berdiri	65
4.3	Min Skor Mentah Imbangan Bangau	67
4.5	Min Skor Mentah Lantunan Bola Ke Dinding	68
4.6	Min Skor Mentah Memukul Bola Sofbol	69
4.7	Kumulatif Min Skor Prestasi kemahiran Motor Asas	71
5.1	Peratusan Pencapaian Kemahiran Motor Asas Murid	85
5.2	Penanda Aras Kemahiran Motor Asas Lelaki	90
5.3	Penanda Aras Kemahiran Motor Asas Perempuan	91

SENARAI RAJAH

Rajah

2.1 Kerangka Teoritis Pengukuran Prestasi Kemahiran

Motor Asas

3.1 Kerangka Konseptual Kajian Prestasi Kemahiran

Motor Asas

3.2 Strategi Persampelan

3.3 Kad Skor Kemahiran Motor Asas

5.1 Graf Prestasi Prestasi Kemahiran Motor Asas

Berdasarkan Lokasi

PRESTASI KEMAHIRAN MOTOR ASAS MURID NEGERI PAHANG YANG TELAH MELALUI PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI TAHAP SATU

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengetahui prestasi kemahiran motor asas murid sekolah negeri Pahang yang telah melalui proses pembelajaran Pendidikan Jasmani Tahap Satu (tahun satu, dua dan tiga) sebagaimana yang ditentukan dalam kurikulum Pendidikan Jasmani KBSR serta mengetahui keberkesanan pengaruh gender, lokasi dan pencapaian kemahiran motor asas di Sekolah Projek. Sebanyak 379 sampel (192 lelaki, 187 perempuan) terdiri daripada murid tahun empat dipilih secara rawak dari sekolah seluruh negeri Pahang. Kajian ex-post facto ini menggunakan ujian lapangan dengan satu bateri ujian yang mengandungi lima ujian iaitu Larian Zig-zag ($r = 0.953$), Lompat Jauh Berdiri ($r = 0.974$), Imbangan Bangau ($r = 0.836$), Lantunan Bola Ke Dinding ($r = 0.915$) dan Memukul Bola Sofbol ($r = 0.934$). Semua data mentah ditukar kepada data kuantitatif dalam bentuk skor-T dan dianalisis menggunakan Ujian-t Sampel Tidak Bersandar. Hasil kajian menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan di antara prestasi murid lelaki dengan perempuan ($t_1 = 0.219 < t_{0.05} = 1.960$, $p = 0.05$), perbezaan yang signifikan di antara prestasi murid bandar dengan murid luar bandar ($t_2 = -2.331 > t_{0.05} = 1.960$, $p = 0.05$) dan perbezaan prestasi yang tidak signifikan di antara murid *Sekolah Projek* dengan murid *Bukan Sekolah Projek* ($t_3 = -0.891 < t_{0.05} = 1.960$). Kajian ini mendapati gender dan pemantauan tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap kemahiran motor asas murid. Kajian ini juga dapat menyimpulkan bahawa pada keseluruhannya, prestasi kemahiran motor asas semua murid lelaki dan perempuan, bandar dan luar bandar, dan *Sekolah Projek* dan *Bukan Sekolah Projek* adalah rendah yang menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran motor asas di kalangan murid Tahap Satu (tahun satu, dua dan tiga) negeri Pahang tidak selari dengan matlamat kurikulum Pendidikan Jasmani KBSR.

BASIC MOTOR SKILLS PERFORMANCE OF PRIMARY SCHOOL STUDENTS IN THE STATE OF PAHANG WHO HAD UNDERGONE LEVEL ONE PHYSICAL EDUCATION LEARNING PROCESS

ABSTRACT

This study was designed to investigate the basic motor skills performance of primary school students in Pahang who had undergone Level One (standard one, two and three) Physical Education learning process as described in the KBSR Physical Education Curriculum. This study also seeks to determine the influences of gender, location and the basic motor skills performance of students in Project Schools. A total of 379 Standard Four students (192 males, 187 females) were randomly chosen from all the primary schools in the state of Pahang. This ex-post facto study was by field tested with the application of a test battery comprising of the Zig-zag Run Test ($r = 0.953$), Standing Long Jump Test ($r = 0.974$), Stork Balance Test ($r = 0.836$), Wall Rebound Test ($r = 0.915$) and Softball Hitting Skill Test ($r = 0.934$). All raw scores were converted to a quantitative T-score and was analyse by Independent Samples t-Test. Results indicated no significant differences in the basic motor skills performance between males and females students ($t_2 = 0.219 < t_{df,377} = 1.960$, $p > 0.05$), significant differences between rural and urban schools students ($t_2 = -2.331 > t_{df,377} = 1.960$, $p < 0.05$) and no significant differences between in the *project* (supervised) and *non-project* schools students ($t_2 = -0.891 < t_{df,377} = 1.960$, $p > 0.05$). This study found that gender and supervision had no significant influence on the basic motor skills performance of the students. This study concluded that the overall, motor skills performance of all the students male and female, urban and rural school, an in the *project* (supervised) and *non-project* schools were relatively low indicating that the acquisition of basic motor skills among Level One (standard one, two and three) primary school students in the state of Pahang were not in line with the expectation of the KBSR Physical Education Curriculum.

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Prestasi kemahiran motor asas bermaksud tahap pencapaian dalam melakukan pergerakan asas seperti membongkok, berjalan atau menjaring. Pengukuran tahap pencapaian ini dilakukan terhadap murid sekolah rendah di seluruh negeri Pahang yang telah selesai mempelajari pelbagai kemahiran motor asas melalui mata pelajaran Pendidikan Jasmani sewaktu di tahap satu iaitu tahun satu (1), dua (2) dan tiga (3). Bagi tujuan tersebut kita perlu mengetahui bagaimana bermulanya perkembangan motor kanak-kanak.

Perkembangan motor kanak-kanak bermula sejak dalam kandungan ibu. Jangka masa kandungan boleh dibahagikan kepada tiga (3) peringkat. Peringkat pertama dinamakan peringkat *germinal*, bermula dari waktu persenyawaan sehingga usia dua



minggu kandungan. Peringkat kedua dinamakan peringkat *embrionik*, dari usia dua minggu kandungan hingga ke lapan minggu kandungan. Seterusnya peringkat ketiga iaitu peringkat *fetal*, dari lapan minggu kandungan hingga ke saat kelahiran.

Pada peringkat *germinal*, persenyawaan berlaku diikuti dengan pembahagian sel dan pelekatan ke dinding rahim. Seterusnya pada peringkat kedua, sistem organ utama dan sel saraf terbentuk. Di akhir peringkat *embrionik*, embrio akan mula bertindakbalas terhadap ransangan seperti cahaya, sentuhan dan suara. Gerakan kecil seperti membuka mulut dan memusingkan kepala mula dapat dikesan. Apabila di peringkat *fetal*, janin bertambah aktif. Selain daripada bernafas, janin akan menendang, berpusing, berpaling, menjelting, menelan, menggenggam dan menghisap ibu jari (Santrock, 1996).

Bayi baru lahir menghasilkan beberapa *refleks* primitif seperti menghisap, menggenggam dan menoleh ke arah sentuhan di pipi. Pergerakan tersebut berlaku secara *involuntari*, yang merupakan hasil tindak balas terhadap ransangan dari persekitaran dan juga ransangan keperluan hidup seperti rasa lapar dan perasaan ingin dilindungi (Seifert dan Hoffnung, 2000).

Pergerakan *involuntari* bayi akan hilang sedikit demi sedikit. Otak bayi bertambah matang dan berupaya menghasilkan pergerakan *voluntari*. Kemahiran motor halus bayi juga bertambah baik. Bayi berupaya melakukan kawalan manual bermula dengan gerakan mencapai, diikuti dengan gerakan memegang dan kemudian berjaya melepaskan objek yang dipegang. Selaras dengan itu, kemahiran motor kasar juga meningkat dengan cepat. Daripada pergerakan meniarap, bayi kemudiannya akan berupaya menyusur, merangkak, mengawal postur untuk duduk, berdiri, berjalan dan akhirnya berupaya berlari pada lingkungan usia 14 bulan ke atas (Seifert dan Hoffnung,



2000). Sepanjang usia dua tahun pertama, bayi memahirkkan diri dengan kemahiran motor asas seperti duduk, berdiri, berjalan dan berlari (Praagh, 1998).

Sebelum melangkah ke alam persekolahan, kanak-kanak terus mempelajari kemahiran motor secara *informal*. Pada usia dua hingga empat tahun, iaitu peringkat awal kanak-kanak, kemahiran motor mereka berada pada aras pergerakan *generik*. Pada aras ini kanak-kanak akan mengamati pergerakan orang dewasa kemudian meniru pergerakan tersebut dalam usaha membina pola pergerakan asas mereka sendiri. Bagaimanapun, pergerakan yang dihasilkan masih terhad dan tidak lancar. Pola pergerakan tersebut dinamakan sebagai pola pergerakan belum matang. Contohnya, untuk melontar bola ke hadapan, kanak-kanak sebenarnya hanya melakukan gerakan melepaskan bola dari tangan ke arah hadapan. Jarak lontaran yang dihasilkan tidak jauh (Littlewood dan Pridmore, 1997).

Pola pergerakan kanak-kanak akan bertambah matang apabila mereka berusia empat hingga enam tahun iaitu di peringkat prasekolah. Pada peringkat ini, kemahiran motor kanak-kanak berada di aras pergerakan *ordinatif*. Kanak-kanak berupaya membuat penyesuaian dan penghalusan pergerakan. Contohnya, untuk aksi melontar bola ke hadapan, kanak-kanak akan menggabungkan gerakan sedia dan ikut lajuk untuk menghasilkan jarak balingan yang lebih jauh (Littlewood Pridmore, 1997).

Kanak-kanak mula diperkenalkan dengan kemahiran motor asas secara *formal* apabila mereka bersekolah. Kurikulum Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah Tahap Satu telah dirancang dengan teliti oleh Pusat Perkembangan Kurikulum agar mata pelajaran Pendidikan Jasmani boleh dijadikan sebagai kaedah asas penguasaan motor yang lebih

kompleks (Siedentop, Herkowitz, dan Rink, 1984, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani*, 1996).

Murid tahun satu (1), dua (2) dan tiga (3) yang diletakkan di tahap satu akan diajar kemahiran motor asas dalam aspek pergerakan *bukan lokomotor*, *lokomotor* dan juga *manipulatif*. Bagi aspek *bukan lokomotor*, kanak-kanak diajar kemahiran berdiri, membongkok, melunjur, menyokong, memusing, mengilas, melutut, mendekam dan menguak. Bagi aspek *lokomotor*, kanak-kanak diajar kemahiran berjalan, melompat, merangkak, menggelongsor, skip dan galop. Sementara bagi aspek *manipulatif* pula, kanak-kanak diajar kemahiran membaling, menyambut, meleret, menahan, melambung, menggolek, melantun, menampar, menggelecek, memukul, menendang dan menyangga (Omar , Ayub, dan Sufian, 2003, *Sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani*, 1996).

Kemahiran motor asas yang diajar pada tahap satu bersesuaian dengan pendapat Wall (1990), yang menyatakan bahawa pada usia enam hingga sembilan tahun koordinasi mata-tangan dan mata-kaki kanak-kanak sedang berkembang pesat. Otot kanak-kanak bertambah kuat, kelembutan pergerakan bertambah baik dan ketangkasan serta keseimbangan tubuh juga meningkat.

Apabila berada di tahap dua, (tahun empat, tahun lima dan tahun enam) pelajar tidak lagi diajar kemahiran motor asas. Kemahiran *lokomotor*, *bukan lokomotor*, dan *manipulatif* digabungkan ke dalam kemahiran permainan dan olahraga. Kemahiran tersebut bersesuaian dengan kenyataan Gallahue (1996), yang menegaskan bahawa kanak-kanak berusia antara 10 hingga 12 tahun sudah berupaya melakukan aksi sukan yang memerlukan kepantasan dan kecekapan.

Murid tahun empat diajar kemahiran permainan hoki, bola sepak, bola jaring, bola baling dan kemahiran olahraga lari pecut dan lompat jauh. Murid tahun lima pula diajar kemahiran permainan softbol, badminton, ragbi sentuh dan kemahiran olahraga lompat tinggi. Seterusnya pada tahun enam, murid diajar kemahiran permainan bola keranjang, bola tampar, sepak takraw dan kemahiran olahraga lontar peluru serta lari berpagar (Wee Eng Hoe dan Teng Boon Tong, 2000, Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani, 1996).

Perkembangan motor kanak-kanak amat berbeza dengan orang dewasa. Setiap tahap perkembangan motor mereka adalah unik dan berkait rapat dengan tumbesaran tulang, otot, saraf dan organ dalaman (Willmore dan Costill, 1996).

Penyataan Masalah

Berdasarkan pemerhatian di sekolah, ramai murid yang telah melalui proses pembelajaran Pendidikan Jasmani Tahap Satu selama tiga (3) tahun masih belum dapat menguasai sepenuhnya kemahiran motor asas. Misalnya, ramai murid tahun empat yang masih belum mahir dengan teknik hayunan kaki dan tangan bagi menghasilkan larian yang baik dan betul. Asas larian dan postur tubuh yang tidak betul mengakibatkan kualiti kemahiran larian yang rendah. Akibatnya, murid tersebut akan mengalami kesukaran untuk menguasai variasi larian seperti berlari pecut, berlari mengundur, berlari ke sisi, berlari di laluan sempit dan berlari dengan alatan.

Dalam kemahiran manipulatif, murid juga gagal menguasai kemahiran asas memegang dan menghayun pemukul dengan betul. Kelemahan tersebut mengakibatkan

mereka sukar menguasai variasi dalam pergerakan manipulatif memukul seperti memukul menggunakan alat pemukul khas, memukul menggunakan pemukul pelbagai saiz, memukul objek tepat ke arah sasaran, memukul di atas permukaan yang berbeza dan memukul objek semasa pegun atau sambil bergerak.

Masalah penguasaan kemahiran motor di tahap dua merupakan masalah yang perlu dikenalpasti dengan terperinci sebelum dapat ditangani dengan berkesan. Di tahap dua, murid tahun empat (4), lima (5) dan enam (6) akan diajar kemahiran asas permainan dan olahraga. Oleh itu, kemahiran motor asas yang pelbagai amat penting kerana kanak-kanak berusia 10 tahun ke atas perlu mencapai tahap perlakuan motor *kreatif* yang melibatkan aspek kepelbagaian, pengubahsuaian serta penciptaan pola pergerakan yang dominan lagi kreatif (Gallahue, 1996).

Masalah kegagalan menguasai kemahiran motor asas akan berlanjutan dan menjadi lebih buruk sekiranya pelajar gagal mengadaptasi dan menggabungjalinkan kemahiran motor asas ke dalam situasi permainan yang sebenar. Murid yang tidak dapat menguasai kemahiran motor asas dengan kukuh akan menghadapi kesukaran dalam pemindahan pembelajaran motor dan penguasaan kemahiran asas permainan. Kegagalan tersebut sekaligus akan menjaskankan kualiti pergerakan dan kemahiran asas serta lanjutan dalam permainan dan kemahiran hidup.

Di samping itu, kelemahan dalam penguasaan kemahiran motor juga akan memberi impak yang besar dalam perkembangan fizikal, psikomotor, sosio emosi dan jati diri pelajar itu sendiri. Masalah tersebut akan berlanjutan hingga ke sekolah menengah kerana kemahiran motor yang perlu dipelajari di peringkat sekolah menengah lebih kompleks, yakni melibatkan penguasaan kemahiran motor yang menggabungkan aspek

ketangkasan, kepantasan, kekuatan, kuasa, masa reaksi,imbangan serta koordinasi (Sukatan Pelajaran pendidikan Jasmani, 1996, Idris Mohamad, Shaharudin Abd Aziz dan Zamry, 2002, Shamsudin Mohd Sharif, Shahrizad Yusof dan Mohd. Sofian Omar Fauzee, 2002).

Individu yang gagal menguasai kemahiran permainan di alam persekohan akan mengalami “*proficiency barrier*” apabila dewasa. Individu yang menghadapi masalah tersebut akan sentiasa berasa kecewa dan tertekan kerana keinginan untuk mengambil bahagian dalam sesuatu permainan akan terhalang disebabkan prestasi kemahiran diri yang rendah (Haubenstricker dan Seefeldt, 1986). Oleh yang demikian, kegagalan murid menguasai kemahiran motor asas perlu dikesan dari awal supaya tahap pencapaian motor mereka boleh diperbaiki sebelum ianya menjadi kronik dan sukar diatasi.

Satu lagi masalah yang ketara adalah melibatkan ketiadaan instrumen tempatan yang piawai untuk menguji dan menilai tahap pencapaian kemahiran motor asas murid di Malaysia. Murid yang telah dikenalpasti lemah kemahiran motornya perlu dibimbing supaya tidak terus ketinggalan. Pengukuran merupakan elemen penting dalam pengubahsuaian pengajaran untuk membantu peningkatan prestasi pelajar (Wood, 2003). Selain dari itu, pengukuran dan penilaian juga memberikan implikasi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan murid berminat untuk mengetahui tahap pencapaian mereka (Buschner, 1994).

Di Malaysia, sehingga kini Ujian Daya Tenaga Asas (UDTA) masih digunakan di semua sekolah. Bagaimanapun ujian tersebut hanya diaplikasikan terhadap murid berusia 11 tahun iaitu murid tahun lima (5) dan ke atas. Tambahan pula, bateri ujian UDTA hanya menguji komponen kecergasan pelajar. Aktiviti yang dijalankan ialah

bangkit tubi, tekan tubi, jangkauan melunjur dan larian/berjalan 800 meter (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987).

Terdapat juga ujian lain yang berfokuskan kecergasan iaitu Penilaian Kecergasan Fizikal Sekolah Menengah (PKFSM). PKFSM yang mula diperkenalkan pada tahun 2000 merupakan pengubahsuaian UDTA. Aktiviti yang dijalankan ialah bangkit tubi, tekan tubi, jangkauan melunjur, lari ulang alik 10 meter dan larian 1500 meter. Bagaimanapun, penilaian tersebut adalah pentaksiran tahap kecergasan fizikal khusus pelajar sekolah menengah (Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, 2000).

Berdasarkan penelitian, penyelidik mendapati sehingga kini belum lagi terdapat suatu instrumen pengujian untuk pentaksiran penguasaan kemahiran motor asas di kedua-dua peringkat persekolahan rendah (tahap satu dan dua) di Malaysia. Instrumen tersebut amat perlu untuk mengukur secara terperinci tahap sebenar kemahiran motor asas murid agar tindakan seterusnya dapat diambil.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui prestasi kemahiran motor asas murid negeri Pahang yang telah melalui proses pembelajaran Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahap Satu.

Objektif Kajian

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada kajian terhadap murid negeri Pahang yang telah melalui proses pembelajaran Pendidikan Jasmani Tahap Satu, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti prestasi kemahiran motor asas murid negeri Pahang yang telah melalui proses pembelajaran Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahap Satu.
- ii. Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid lelaki dengan murid perempuan.
- iii.
 - iii.i Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid lelaki sekolah bandar dengan murid lelaki sekolah luar bandar.
 - iii.ii. Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid perempuan sekolah bandar dengan murid perempuan sekolah luar bandar.
 - iii.iii Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid lelaki sekolah bandar dengan murid perempuan sekolah bandar.
 - iii.iv. Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid lelaki sekolah luar bandar dengan murid perempuan sekolah luar bandar.

- iii.v Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid lelaki sekolah bandar dengan murid perempuan sekolah luar bandar.
- iv. Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid sekolah *projek* dengan murid sekolah *bukan projek*.
- iv.i Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid perempuan sekolah *projek* dengan murid lelaki sekolah *projek*.
- iv.ii Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid perempuan sekolah *bukan projek* dengan murid lelaki sekolah *bukan projek*.
- iv.iii Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid perempuan sekolah *projek* dengan murid perempuan sekolah *bukan projek*.
- iv.iv Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid sekolah *projek* bandar dengan murid sekolah *bukan projek* bandar.
- iv.v Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid sekolah *projek* bandar dengan murid sekolah *projek* luar bandar.
- iv.vi Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid sekolah *projek* luar bandar dengan murid sekolah *bukan projek* luar bandar.
- iv.vii Mengetahui prestasi perbezaan kemahiran motor asas antara murid sekolah *bukan projek* bandar dengan murid sekolah *bukan projek* luar bandar.

- iv.iix Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid perempuan sekolah *projek* bandar dengan murid perempuan sekolah *bukan projek* luar bandar.
- iv. ix Mengetahui perbezaan prestasi kemahiran motor asas antara murid lelaki sekolah *projek* bandar dengan murid lelaki sekolah *bukan projek* luar bandar.

Hipoteses Kajian

Berdasarkan masalah dan batasan kajian yang telah dikenalpasti terhadap murid negeri Pahang yang telah melalui proses pembelajaran Pendidikan Jasmani Tahap Satu, penyelidik ingin mengemukakan hipoteses kajian seperti berikut:

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid lelaki dengan murid perempuan negeri Pahang yang telah melalui proses pembelajaran Pendidikan Jasmani Pendidikan Tahap Satu.

H_02 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid sekolah bandar dengan murid sekolah luar bandar negeri Pahang yang telah melalui proses pembelajaran Pendidikan Jasmani Tahap Satu.

H0_{2.1} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara prestasi kemahiran motor asas murid lelaki sekolah bandar dengan murid lelaki sekolah luar bandar.

H0_{2.2} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara prestasi kemahiran motor asas murid perempuan sekolah bandar dengan murid perempuan sekolah luar bandar.

H0_{2.3} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid lelaki sekolah bandar dengan murid perempuan sekolah bandar.

H0_{2.4} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid lelaki sekolah luar bandar dengan murid perempuan sekolah luar bandar.

H0_{2.5} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid lelaki sekolah bandar dengan murid perempuan sekolah luar bandar.

H0₃ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid sekolah *projek* dengan murid sekolah *bukan projek* negeri Pahang yang telah melalui proses pembelajaran Pendidikan Jasmani Tahap Satu.

H0_{3.1} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid perempuan sekolah *projek* dengan murid lelaki sekolah *projek*.

H03.2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid perempuan sekolah *bukan projek* dengan murid lelaki sekolah *bukan projek*.

H03.3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid perempuan sekolah *projek* dengan murid perempuan sekolah *bukan projek*.

H03.4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid sekolah *projek bandar* dengan murid sekolah *bukan projek bandar*.

H03.5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid sekolah *projek bandar* dengan murid sekolah *bukan projek luar bandar*.

H03.6 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid sekolah *projek luar bandar* dengan murid sekolah *bukan projek luar bandar*.

H03.7 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid sekolah *bukan projek bandar* dengan murid sekolah *bukan projek luar bandar*.

H03.8 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid perempuan sekolah *projek bandar* dengan murid perempuan sekolah *bukan projek luar bandar*.



H03.9 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi kemahiran motor asas murid lelaki sekolah *projek* bandar dengan murid lelaki sekolah *bukan projek* luar bandar.

Kepentingan Kajian

Kajian prestasi kemahiran motor asas murid negeri Pahang yang telah melalui proses pembelajaran Pendidikan Jasmani Tahap Satu ini akan dapat menentukan tahap prestasi kemahiran motor asas murid tahun empat yang akan melalui proses pembelajaran

Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahap Dua.



Penyelidik mendapati bahawa kajian ini penting kerana hasil maklumat yang diperoleh boleh dijadikan sebagai asas tindakan memastikan murid tahap satu mencapai prestasi kemahiran motor asas yang sebenar. Kelemahan prestasi kemahiran motor murid perlu dikesan awal kerana kegagalan menguasai kemahiran tersebut akan menjelaskan proses pembelajaran kemahiran motor di tahap dua (2). Ini adalah kerana Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahap Dua merupakan lanjutan daripada Sukatan Pendidikan Jasmani Tahap Satu.

Dapatkan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai penanda aras untuk digunakan oleh guru Pendidikan Jasmani melakukan ujian kemahiran motor asas terhadap murid.

Guru Pendidikan Jasmani boleh menggunakan piawai yang diperoleh sebagai sasaran pencapaian murid apabila mengajar kemahiran motor. Sasaran pencapaian amat penting untuk merancang proses pembelajaran. Tanpa sasaran pencapaian, guru Pendidikan



Jasmani menghadapi kesukaran untuk merangka program pembelajaran dalam jangka masa yang ditetapkan.

Ujian kemahiran motor juga penting untuk mengenalpasti murid yang gagal mencapai prestasi yang diperlukan. Bimbingan dan tunjuk ajar perlu diberikan agar murid tersebut tidak terus ketinggalan. Kegagalan menguasai kemahiran motor asas di peringkat kanak-kanak akan menjelaskan penguasaan kemahiran dalam permainan dan acara sukan. Kegagalan menguasai kemahiran dalam permainan dan acara sukan pula akan menyumbangkan implikasi negatif terhadap imej kendiri, sosio-emosi dan kemahiran hidup (Corbin, 2000).

Menentukan prestasi kemahiran motor sejak awal juga penting untuk mengesan bakat istimewa kanak-kanak. Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad menegaskan bahawa usaha melatih ahli sukan perlu dilakukan sejak kecil lagi bagi melahirkan jaguh berkaliber (Utusan Malaysia., 2004).

Burton dan Miller (1998) menekankan terdapat beberapa sebab utama mengapa penilaian dan pengukuran dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani perlu dilakukan. Yang pertama, untuk menentukan kategori murid mengikut tahap kemahiran mereka. Kedua, merancang strategi proses pembelajaran berikutnya. Ketiga, memberi maklum balas kepada murid akan tahap pencapaian mereka. Akhir sekali, menilai sebarang perubahan yang berlaku terhadap keupayaan motor murid.

Pelbagai program diperkenalkan untuk meningkatkan prestasi murid dalam menguasai kemahiran motor. Selain daripada program Ujian Daya Tenaga Asas (UDTA) dan Penilaian Kecergasan Fizikal Sekolah Menengah (PKFSM) yang berbentuk pengukuran kecergasan, terdapat juga program Serentak Seirama yang dilaksanakan di

Sekolah Projek yang bertujuan khusus untuk meningkatkan prestasi kemahiran motor asas murid. Keberkesanan program tersebut yang baru dimulakan pada tahun 2004 perlu diukur dan dinilai untuk tindakan seterusnya.

Seterusnya, kajian ini berhasrat untuk memberi input yang berguna kepada beberapa pihak khususnya Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dalam merangka program bagi meningkatkan prestasi kemahiran motor asas murid di tahap satu. Pengkaji berharap pihak terbabit mengambil langkah yang lebih tepat bagi memastikan objektif dan matlamat Pendidikan Jasmani dapat dicapai.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan batasan berikut:

- i. Kajian ini tertumpu kepada murid tahun empat di 24 buah sekolah di negeri Pahang. Dua belas buah sekolah merupakan sekolah bandar dan selebihnya (12) merupakan sekolah luar bandar. Kategori sekolah bandar diwakili enam sekolah *projek* dan enam sekolah *bukan projek*. Kategori sekolah luar bandar juga diwakili enam sekolah *projek* dan enam sekolah *bukan projek*. Empat kategori sekolah akan mewakili setiap daerah yang dipilih iaitu sekolah bandar *projek*, sekolah bandar *bukan projek*, sekolah luar bandar *projek* dan sekolah luar bandar *bukan projek*. Oleh itu, kajian ini dapat mewakili prestasi kemahiran motor asas murid tahun empat seluruh negeri Pahang.

- ii. Pengukuran prestasi kemahiran motor asas adalah berdasarkan pengubahsuaian bateri Ujian Keupayaan Motor Barrow (1971), bateri Ujian Kecergasan Johnson dan Nelson (1986), Ujian Pencapaian Motor Latchaw (1954) dan bateri ujian AAHPERD (1976).
- iii. Prestasi kemahiran motor asas diukur berdasarkan tiga komponen iaitu lokomotor, bukan lokomotor dan manipulasi alatan. Komponen lokomotor diukur melalui kemahiran berlari dan kemahiran melompat. Komponen bukan lokomotor diukur melalui kemahiran imbangan statik. Komponen manipulasi pula diukur melalui kemahiran hantaran, menyambut dan juga memukul bola.

Definisi Operasional

Definisi operasional menjelaskan maksud perkataan tertentu yang digunakan dalam konteks kajian ini.

Kemahiran motor asas

Kemahiran melakukan pergerakan asas dalam tiga aspek iaitu lokomotor, bukan lokomotor dan manipulatif seperti dijelaskan sebagaimana berikut.

Lokomotor

Pergerakan yang melibatkan anjakan atau peralihan dari tempat asal pelaku ke tempat yang lain contohnya, berjalan, berlari atau merangkak.

Bukan lokomotor

Pergerakan yang tidak melibatkan anjakan atau peralihan tempat seperti membongkok, meleding, berpusing atau mendekam.

Manipulatif

Pergerakan yang menggunakan alatan seperti memukul menggunakan pemukul, menendang, melerat atau melantun bola.

Kemahiran motor halus

Kemahiran melakukan pergerakan yang melibatkan otot kecil seperti lakuan menggenggam yang menggunakan otot jari tangan.

Kemahiran motor kasar

Kemahiran melakukan pergerakan yang melibatkan otot besar seperti lakuan menendang yang menggunakan otot kaki.

Pergerakan *voluntari*

Pergerakan yang dilakukan hasil keputusan yang dibuat berdasarkan keperluan semasa seperti cuba mencapai sesuatu objek untuk mendapatkannya.

Pergerakan *involuntari*

Pergerakan yang berlaku hasil tindakan serta merta contohnya menarik tangan apabila terkena cerek panas.

Kawalan manual

Keupayaan mengawal tangan untuk melakukan pergerakan contohnya bayi menghulurkan tangan ke arah yang tepat untuk mencapai alatan permainan yang digantung.

Kawalan postur

Keupayaan mengawal stabiliti dan kedudukan tubuh dalam lakukan dan pergerakan seperti duduk, berdiri, berjalan atau berlari.

Sekolah Projek

Terdapat 55 buah sekolah di seluruh negeri Pahang dijadikan sebagai perintis dalam program “Serentak Seirama”. 5 buah sekolah dipilih bagi setiap daerah yang terdiri daripada sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Program ‘Serentak Seirama’ menggabungkan pelbagai kemahiran asas dalam satu set gerakan yang diiringi dengan muzik. Guru Pendidikan Jasmani dari sekolah terlibat diberikan beberapa siri taklimat dalam usaha menyediakan murid untuk satu pertandingan yang diadakan di peringkat negeri. Program ini bermula pada tahun 2004 dengan tujuan meningkatkan prestasi kemahiran motor asas murid sekolah rendah.

Sekolah *Bukan* Projek

Sekolah rendah di negeri Pahang selain daripada ‘sekolah projek’.

Sekolah Bandar

Sekolah yang dikategorikan sebagai Sekolah Bandar mengikut klasifikasi yang ditentukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri .Terdapat 81 buah sekolah yang dikategorikan sebagai Sekolah Bandar di negeri Pahang.

Sekolah Luar Bandar

Sekolah yang dikategorikan sebagai Sekolah Luar Bandar mengikut klasifikasi tertentu oleh Jabatan Pelajaran Negeri Pahang. Terdapat 440 buah sekolah yang dikategorikan Sekolah Luar Bandar di negeri Pahang.

Sekolah Projek Bandar

Sekolah projek yang termasuk dalam kategori sekolah bandar.

Sekolah Projek Luar Bandar

Sekolah projek yang termasuk dalam kategori sekolah luar bandar.

Tahap 1

Murid sekolah rendah yang berada di tahun satu (1), dua (2) dan tiga (3).

Tahap 2

Pelajar sekolah rendah yang berada di tahun empat (4), lima (5) dan enam (6).

Formal

Sesuatu yang dilakukan secara rasmi dengan mematuhi peraturan dan syarat tertentu.

Informal

Sesuatu yang dilakukan tidak secara rasmi, spontan, semulajadi, tidak sengaja atau tidak dirancang.